

## **PENDAPAT DAN KEPERLUAN GENERASI MUDA DI KAWASAN PARLIMEN MUAR, JOHOR**

(Opinion and the Needs of Young Generation in Muar Parliamentary constituency, Johor)

*Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar*

### **ABSTRAK**

Kawasan Parlimen Muar, Johor yang terdiri daripada kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Maharani dan Sungai Balang yang sedang mengalami kemajuan pesat sesuai dengan kedudukannya sebagai pusat pentadbiran daerah Muar. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi telah mempengaruhi kehidupan serta keperluan generasi muda dan juga mempengaruhi pendapat serta pilihan politik mereka. Justeru, artikel ini akan menganalisis keperluan dan pandangan politik semasa generasi muda di kawasan kajian. Berdasarkan pemerhatian dan soalselidik di lapangan, hasil kajian mendapati bahawa mereka mahukan lebih banyak peluang pekerjaan dan tingkat upah/gaji yang sesuai dengan keadaan ekonomi semasa; inginkan kemudahan jalur lebar/internet diperluaskan; perbanyakkan aktiviti sukan dan rekreasi dan inginkan lebih banyak pusat kemahiran didirikan dan pemberian biasiswa ditambah. Dari aspek kepimpinan mereka memerlukan pemimpin yang bersifat jujur, bersih, amanah dan mementingkan rakyat/pengundi dan mahukan ruang yang lebih untuk menyuarakan pendapat mereka tentang politik semasa. Dari sudut alam sekitar pula, mereka menyarankan pihak berkuasa agar menggerakkan aktiviti gotong royong di kalangan masyarakat setempat di samping mencantikkan landskap persekitaran agar lebih segar dan ceria. Hasil kajian juga mendapati 71.0 peratus di kalangan mereka menyokong peranan kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia Negara dan 66.1 peratus menyatakan gagasan 1 Malaysia disokong, dihayati dan dimanifestasikan. Dari aspek pentadbiran awam pula, 82.3 peratus responden menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan Menteri adalah baik dan pembaharuan yang dilakukan oleh Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan generasi muda (73.9 peratus). Mereka juga menyatakan (71.9 peratus) bahawa kepimpinan kawasan Muar perlu dikekalkan kerana telah menunjukkan prestasi yang amat baik. Merujuk kepada parti politik yang akan diundi pada pilihan raya umum akan datang, masing-masing 66.8 peratus dan 67.6 peratus akan mengundi BN di peringkat DUN dan Parlimen Muar.

**Kata kunci:** *Belia, Parlimen Muar, keperluan, pendapat politik, bIndeks Petunjuk Prestasi*

### **ABSTRACT**

Constituency of Muar, Johor, which consists of the State Legislative Assembly (DUN) of Maharani and Sungai Balang are experiencing rapid progress in accordance with its position as the central administrative district of Muar. The advancement of information and communication technology have affected the lives and needs of young people and also their political opinions and choices. Therefore, this article analyses the current needs of young generation and their political views in the constituency of Muar. Based on the results of a questionnaire survey and field observation, the study shows that the youth in this area wanted more jobs and high salary in accordance with the current economic situation; broadband / internet to be extended; more youth sports and recreational activities to be set up; providing more scholarships and they need an honest, clean, trustworthy and caring political leader. They also demanded more political space for them to voice their opinions on the current issues. From the environmental angle, they suggested that the authorities should organised more activities of gotong royong among the community in beautifying the landscape and to maintain a fresh and lively environment. The results of the study also shows that 71.0 percent supported the government's role in

strengthening the youth development agenda. They (71.9 percent) embraced and manifested the concept of 1 Malaysia. The key performance indicators (KPI) for the representatives and the Minister is well recognised and the reforms made by the Prime Minister's in spearheading the development of the country have a continues support from them (73.9 percent). They (71.9 percent) also wanted the leadership of Muar to be maintained because of his good services to the constituency. Referring to the political party that will be voted on at the next general election, respectively 66.8 percent and 67.6 percent would vote for BN in the state assembly and Parliamentary of Muar.

**Keywords:** *Belia, Parlimen Muar, keperluan, pendapat politik, bIndeks Petunjuk Prestasi*

---

## **PENGENALAN**

Generasi muda/belia merupakan individu yang berumur di antara 15-40 tahun. Peringkat umur belia itu merupakan peringkat umur perubahan dari seorang yang bergantung (*dependent*) kepada seorang untuk berfikir dan bertindak kepada seorang yang bebas (*independent*). Ianya merupakan peringkat di mana seseorang itu mula menghadapi cabaran yang memaksa ia membuat keputusan tentang kehidupannya. Peringkat umur belia dipenuhi dengan berbagai cabaran yang mengkehendaki setiap belia untuk bertindak. Dengan tenaga yang tinggi, keperluan dan harapan (*expectation*) yang tinggi maka belia boleh mengubah bukan sahaja kehidupannya sendiri tetapi juga masyarakat dan persekitarannya. Jumlah warga muda penduduk dunia yang boleh dianggap belia adalah 18 peratus. Di Malaysia, dari segi demografi/kependudukan belia, jumlah penduduk yang berumur antara 15 hingga 40 tahun pada tahun 1995 adalah 8.39 juta (41.80 peratus), dan pada tahun 2000 adalah 9.25 juta (41.24 peratus) iaitu sejumlah 60 peratus warga belia tersebut berada di kawasan luar bandar dengan 19 peratus daripada 26 juta penduduk di negara ini adalah belia yang berumur antara 15-25 tahun. Di kawasan Parlimen Muar (perangkaan bagi unjuran tahun 2000), terdapat 34,648 orang belia keseluruhannya di Muar dengan 9262 orang yang berumur antara 15-19 tahun, 6569 orang (20-24 tahun), 6026 orang (25-29 tahun), 6267 orang (30-34 tahun) dan 6524 orang (35-40 tahun) (Shaari Abdul Rahman, 2001). Kawasan Parlimen Muar mempunyai seramai 41,019 pengundi yang mewakili 62.05 peratus Melayu, 36.15 peratus Cina, 1.67 peratus India dan selebihnya kaum-kaum lain. Parlimen Muar mempunyai dua DUN iaitu Maharani (54.45 Melayu, 42.51 peratus Cina dan 2.82 peratus India) dan Sungai Balang (71.66 peratus Melayu, 28.11 peratus Cina dan 0.22 peratus India). Pada pilihan raya umum 2008, BN memenangi kawasan ini dengan majoriti sebanyak 4661 undi mengalahkan calon PKR (Nah Budin). Sehubungan itu, persoalannya apakah keperluan belia di kawasan kajian dan pendapat politik mereka berdasarkan senario semasa. Bagaimana pula dengan pengaruh keadaan politik semasa dan apakah isu yang dibangkitkan oleh generasi muda dan sejauhmanakah ia mempengaruhi pilihan politik mereka. Begitu juga persoalan kriteria dan calon mana yang mereka pilih dan akhirnya apakah parti yang menjadi pilihan mereka pada hari mengundi kelak. Justeru, kertas kerja ini akan memaparkan keperluan belia dan pendapat politik di kawasan Parlimen Muar, Johor. Justeru itulah antara persoalan yang cuba dipaparkan dan dijawab dalam kertas kerja ini.

## **GENERASI MUDA/BELIA**

Definisi generasi muda/belia adalah merujuk kepada individu yang berumur antara 15-40 tahun yang mengambil kira skop di Malaysia. Walau bagaimanapun, umur ini adalah berbeza di pelbagai negara iaitu mengikut takrifan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi belia ialah antara 15-24 tahun manakala menurut Kesatuan Negara-Negara Bekas Jajahan British atau

Commonwealth pula antara 16-24 tahun. Istilah Belia menurut Kamus Dewan (1994) bermaksud muda belia, sangat muda, golongan muda secara keseluruhannya yang terdiri daripada pemuda dan pemudi. Takrifan belia menurut Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja “Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara” (1995), pula mendefinisikan belia sebagai orang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun dengan alasan-alasan berikut:

1. Ia adalah takrif Majlis Belia Malaysia 1985.
2. Ia dianggap golongan yang sudah mencapai taraf matang yang memuaskan dan dapat menerima manfaat maksimum daripada rancangan-rancangan yang disusun.
3. Ia adalah sebahagian besar daripada jumlah rakyat negara ini. Apa-apa usaha bagi membina masyarakat, meninggalkan kesan secara menyeluruh.

Azizan Bahari (1995) mengatakan definisi sekarang yang menyatakan lingkungan umur antara 15 hingga 40 tahun sebagai belia itu adalah luas. Barangkali yang sesuai adalah antara 13 hingga 30 tahun. Ia adalah satu lingkungan umur yang sesuai dipanggil belia, walaupun masih terdapat beberapa hal yang berbeza daripada aspek tahap bersekolah, mencari kerja, memulakan kerjaya, berkenalan, mencari pasangan hidup, berumahtangga dan sebagainya. Biasanya, individu yang berusia lebih daripada 30 tahun sudah berkeluarga manakala mereka yang berusia lebih daripada 35 tahun, meletakkan kerjaya di samping masa depan keluarga sebagai fokus hidup. Dalam buku Pembentukan Generasi Belia Selangor 2005: Satu Pengamatan, belia ditakrif berdasarkan peringkat umur dari 15 hingga 40 tahun. Julat umur di antara dua umur ini agak tinggi bagi memasukkan mereka dalam program pembangunan yang sama.

Belia seringkali dianggap sebagai aset dan pewaris negara yang akan memainkan peranan penting untuk mencorakkan bentuk, nilai dan gaya hidup masyarakat sesebuah negara pada masa akan datang. Pembangunan belia dianggap penting untuk diberikan perhatian bagi memastikan bahawa negara berkenaan dapat meneruskan kelangsungan pembangunan seperti yang telah dirancang. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu/PBB (World Youth Plan, 1995) menganggap belia sebagai satu kelompok penting yang akan memainkan peranan utama sebagai agen untuk perubahan, pembangunan ekonomi dan juga penerimaan inovasi teknologi.

Belia di seluruh dunia menghadapi cabaran globalisasi. Globalisasi tidak semestinya baik dan menguntungkan semua pihak. Globalisasi ada membawa kebaikan dan dalam masa yang sama ada juga kesan negatifnya terhadap masyarakat dunia. Di dalam konteks perkembangan media, globalisasi memberi satu peluang baru dari segi akses kepada media dan teknologi maklumat yang merangsang kebolehdapatan maklumat dengan meluas dan pantas. Cabaran pembangunan dunia sekarang ini tertumpu kepada k-ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Selaras dengan itu, negara yang ingin terus maju tidak dapat lari daripada menyediakan warganya menjadi masyarakat bermaklumat. Salah satu usaha yang perlu dilakukan adalah meningkatkan kemahiran warganya dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT yang akan menghasilkan belia yang inovatif dan menerima serta menguasai akses teknologi baru ini namun tidak terpengaruh dengan nilai, moral dan identiti budaya asing yang negatif.

## **KAJIAN LEPAS**

Berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dilakukan, didapati tidak banyak kajian-kajian awal pendapat awam di sesuatu kawasan dengan merujuk kepada belia sebagai aktor politik secara

umum namun terdapat beberapa kajian yang dihasilkan oleh sarjana yang dilihat mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan.

Huntington (1979) menjelaskan bahawa mengenai hubungan tentera-awam di Amerika Syarikat, tidak wujud dari fasal-fasal perlembagaan yang diperuntukkan. Pemisahan antara kuasa eksekutif dan perundangan adalah dua badan awam tersebut yang mempunyai kuasa mutlak ke atas institusi tentera. Pola pengundian di sesuatu kawasan mempunyai kaitan rapat dengan keberkesanan penyampaian atau penjelasan isu oleh parti politik yang bertanding kerana faktor isu terutama isu tempatan, lebih memberi impak yang mendalam kepada pengundi untuk memilih parti mana yang relevan dengan sesuatu isu tersebut (Adam & Ferber 1980). Strategi ekonomi yang dijalankan oleh kerajaan merupakan dimensi penting dalam proses pengundian di mana 70 peratus pengundi di Brazil menunjukkan tingkahlaku pengundian yang positif ke atas kerajaan dan telah membawa kemenangan kepada calonnya Fernando Henrique Cardoso (Rachel Menequello 1995). Golongan tentera mempunyai pandangan yang positif terhadap agenda dan perkembangan politik negara. Faktor sosioekonomi dan persekitaran mempengaruhi partisipasi politik anggota tentera (Faridah Shaari 1997).

Kajian yang dijalankan oleh Ahamad Jama' Amin (2000) yang telah mengkaji tahap kesedaran dan persepsi politik di kalangan guru-guru pelatih di Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka (MPPM) mendapati bahawa guru-guru pelatih MPPM menganggap dunia politik penuh dengan sandiwara dan tipu helah. Ini kerana mereka menyifatkan politik boleh diperalatkan dan dipergunakan oleh segelintir aktivis politik demi kepentingan peribadi mereka. Oleh itu, beliau mendapati bahawa pengaruh persekitaran banyak membentuk pola tingkah laku guru pelatih dalam menentukan sikap mereka terhadap politik. Sementara itu, Norlaila (2000) yang mengkaji persepsi dan partisipasi politik di kalangan guru di Daerah Sik, Kedah mendapati bahawa guru mempunyai persepsi positif terhadap politik dan mempunyai partisipasi politik yang tinggi. Partisipasi politik guru Melayu di daerah Port Dickson juga tinggi dan mempengaruhi pola politik tempatan (Mohd Fuadi 2003).

Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar (2009) melalui kajian "Pemerintahan Pakatan Rakyat (PR): Kajian Pungutan Pendapat di Kalangan Kakitangan Awam, Negeri Selangor Darul Ehsan" dalam dapatan kajiannya menunjukkan bahawa 58.8 peratus menyatakan mereka memperoleh sumber maklumat politik daripada akhbar harian perdana seperti Berita Harian, Utusan Malaysia dan New Straits Times. Terdapat 25.6 peratus menyertai parti politik sebagai ahli. 56.9 peratus menyatakan mereka suka memilih muka baru dalam kepemimpinan negeri dan negara dan 52.9 peratus berpuas hati dengan keputusan pilihan raya umum 2008. Namun, 65.6 peratus responden menyatakan mereka tidak gembira dengan pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor. Mereka yakin dengan kepimpinan kerajaan negeri tetapi tidak yakin dengan dasar yang diamalkan oleh kerajaan negeri Selangor yang sedia ada yang dilihat lebih menguntungkan sesuatu pihak.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal (2010) dalam kajian politik belia di DUN Bagan Pinang, Negeri Sembilan mendapati bahawa parti yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan menjadi pilihan utama mereka dan berpendapat parti politik tidak boleh menyentuh isu peribadi semasa berkempen. Konsep "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" disokong, dihayati dan

dimanifestasi oleh belia. Majoriti responden menyokong polisi dan kepimpinan Perdana Menteri dan Timbalannya dalam menerajui pembangunan negara.

## **PARLIMEN MUAR**

Nama “Muar” lahir daripada perkataan ‘muara’ iaitu kuala sungai. Ini disebabkan oleh kewujudan penempatan awal di kawasan tersebut terletak di muara Sungai Muar. Sungai Muar terkenal sejak zaman silam kerana sungainya yang lebar membolehkan para pelayar berlindung di musim gelora. Pelarian Raja Iskandar Syah (Parameswara) dari Singapura setelah dikalahkan Majapahit pada awal abad ke-15 menggunakan sungai ini. Demikian pula apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, raja dan para pembesar Melaka melarikan diri melalui Sungai Muar. Versi lain mengenai kewujudan nama tersebut ialah daripada perkataan ‘muak’ (jemu dan ‘mu-arui’ (Bahasa Tamil) bermaksud tiga sungai. Bandar Maharani yang menjadi pusat bandar utama daerah Muar mendapat nama sempena nama Permaisuri Maharaja Abu Bakar pada 12 Ogos 1887. Oleh kerana pada masa itu Sultan Abu Bakar masih memakai gelaran Maharaja, permaisuri baginda memakai gelaran Maharani. Bandar itu dinamakan atas nama permaisuri yang mengiringi Baginda dalam upacara perasmian bandar itu, Maharani Fatimah.

Dari segi lokasi geografi persekitaran, kawasan Parlimen Muar terletak di bahagian barat laut Negeri Johor Daul Takzim dan bersempadan dengan Negeri Melaka di utara, daerah Segamat di timur dan Batu Pahat di selatan. Ia terletak pada 2 °3’U 102°34’T. Kawasan ini berada pada kedudukan 150 km (93 batu) ke barat daya ibu negara Malaysia, Kuala Lumpur, 50 km ke utara Batu Pahat dan 179 km ke barat laut Singapura. Kawasan Parlimen Muar berkeluasan 273.42 km persegi yang mempunyai 2 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Maharani (N.15) yang berkeluasan 64.14 km persegi dan DUN Sungai Balang (N.16) berkeluasan 209.28 km persegi. Kawasan ini mempunyai 33 daerah mengundi. Pekerjaan penduduk di kawasan tersebut merangkumi kakitangan kerajaan dan swasta, peniaga, kerja kampung (pertanian) dan nelayan.

Parlimen Muar (P146) mempunyai jumlah pengundi berdaftar seramai 41,019 orang dengan 22,902 pemilih di DUN Maharani dan 18,117 pemilih di DUN Sungai Balang. Taburan komposisi etniknya yang merangkumi 62.1 peratus Melayu, 36.1 peratus Cina, 1.8 peratus India dan selebihnya etnik-etnik lain. Pada pilihan raya umum 2008, kawasan ini dimenangi oleh calon YB Dato’ Razali Ibrahim dari BN dengan memperoleh 12,325 undi mengalahkan calon PKR (Nah Budin) dengan majoriti 4661 undi dan peratusan keluar mengundi ialah 73.81 peratus.

## **DATA**

Data primer diperolehi melalui kaedah soalselidik di kawasan kajian terhadap responden/belia melalui satu set soalselidik. Mereka dipilih secara rawak mudah bertujuan. Antara soalan yang ditanyakan ialah latarbelakang demografi, pembangunan belia setempat; penilaian prestasi program dan kepimpinan belia; masalah belia; pola politik; keperluan semasa belia; dan faktor yang menyebabkan mereka memilih parti dan menanyakan parti mana menjadi pilihan mereka pada hari mengundi kelak. Pengumpulan data sekunder dilakukan daripada penyelidikan di perpustakaan dan dokumen rasmi yang berkaitan. Kajian di lapangan/soalselidik dilakukan di 22 kawasan daerah mengundi dalam Parlimen Muar. Metod juga mengikut kaedah *Gallup poll* di Britain yang mengkaji semasa pra pilihan raya dan semasa kempen dan pasca pilihan raya.

Walau bagaimanapun hanya kajian pasca pilihan raya dilakukan dalam kajian ini dan pendekatan yang digunakan berbeza untuk menyesuaikan dengan keadaan setempat, pola politik dan komposisi etnik di kawasan kajian. Data yang dikumpul dikoding dengan menggunakan perisian statistik SPSSx serta dianalisis melalui kaedah statistik deskriptif dan analisis *crosstab*/taburan silang.

Jumlah besar sampel yang ditemubual ialah 1500 orang iaitu 60 peratus lelaki 40 peratus perempuan yang terdiri daripada pengundi muda/Belia iaitu berumur 21 hingga 25 tahun (21 peratus), 26-30 tahun (16 peratus), 31-35 tahun (15 peratus), dan 36-40 tahun (31 peratus). Pecahan responden mengikut kaum ialah Melayu 75 peratus dan kaum Cina 20 peratus dan India 5 peratus. Sampel dipilih daripada DUN Maharani (47 peratus) dan Sg. Balang (53 peratus). Mereka juga dipilih mengikut kawasan bandar dan luar bandar serta mengikut daerah mengundi. Daripada jumlah keseluruhan responden tersebut, 54 peratus responden sudah berkahwin, 44 peratus bujang dan masing-masing 1 peratus adalah duda dan balu. Dari segi tahap pendidikan responden pula, 67 peratus adalah berkelulusan sekolah menengah, 24 peratus (universiti), 8 peratus sekolah rendah dan 0.7 peratus adalah tidak bersekolah, manakala bagi pekerjaan responden pula 39 peratus adalah bekerja sendiri, 27 peratus (kakitangan swasta), 17 peratus (kakitangan kerajaan), 9.4 peratus (masih belajar) dan 8 peratus adalah tidak bekerja. Bagi pendapatan isi rumah pula, responden yang berpendapatan antara RM 700 hingga RM 1500 ialah 61 peratus, RM 1501-RM 2500 (23 peratus), RM 2501-RM 3500 (9 peratus) dan masing-masing 3.7 peratus bagi yang berpendapatan antara RM 3501-RM 4500 dan RM 4501 dan ke atas.

## SUMBER MAKLUMAT

Hasil daripada kajian berkenaan sumber maklumat yang diperolehi mendapati majoriti (79.9 peratus) generasi muda di Muar memperolehi sumber maklumat melalui media elektronik perdana iaitu rangkaian siaran televisyen (TV) dan 63.2 peratus percaya terhadap sumber maklumat tersebut, manakala 70.8 peratus (60.9 peratus percaya) memperolehi info melalui akhbar harian perdana seperti surat khabar, majalah dan tabloid (Rujuk Jadual 1). Kebanyakan responden yang ditemui memperihalkan bahawa maklumat isu semasa sering diakses dan didengar melalui siaran TV dan radio serta selebihnya melalui pembacaan surat khabar seperti Berita Harian, Utusan Malaysia, New Straits Times, Nanyang Siang Pau dan The Star. Dalam pada itu, responden turut memperolehi maklumat semasa melalui ceramah oleh pemimpin parti-parti politik dan perbualan seharian di premis-premis perniagaan, balai raya awam dan rumah ibadat. Merujuk kepada jenis berita yang dibaca oleh responden, 55.3 peratus menyatakan mereka minat untuk membaca berita mengenai masalah golongan muda, 34.1 peratus mengenai masalah pembangunan dan 10.6 peratus berita mengenai politik. Seterusnya 47.4 peratus menyatakan mereka jarang menghadiri ceramah/taklimat yang dianjurkan pejabat daerah/wakil rakyat di Muar berbanding 44.3 peratus tidak pernah dan hanya 8.3 peratus yang kerap menyertai ceramah/taklimat yang dianjurkan pihak pejabat daerah/wakil rakyat di Muar.

Jadual 1: Sumber maklumat dan tahap kepercayaan

Jenis sumber maklumat	(%)	(%)
	Sumber	Percaya
TV	79.9	63.2
Akhbar Harian Perdana	70.8	60.9
Radio	59.3	47.0

Internet/laman blog	33.7	29.1
Ahli Keluarga	32.2	18.1
Jiran	24.2	11.7
Rakan seuniversiti	19.3	13.4
Majalah tempatan	19.0	14.1
Akhbar parti	17.2	11.9
Pemimpin Setempat	15.0	24.2
Perkhidmatan Pesanan Ringkas/SMS	13.5	2.9
Guru/pensyarah	10.1	18.8
Akhbar dan majalah luar negara	8.2	5.9

(Sumber: Soal Selidik Julai/Ogos 2010)

### **KEMUDAHAN SUKAN DAN PENYERTAAN DALAM PERSATUAN BELIA**

Dari sudut pembangunan belia dan sukan secara keseluruhannya 72.4 peratus belia di Muar menyatakan tahap kemudahan sukan yang sedia ada adalah tidak mencukupi serta perlu ditambah dan ditambah baik. Mereka berharap kemudahan sukan seperti padang bola, dewan serbaguna untuk aktiviti sukan serta peralatan sukan seperti bola, jaring dan jersi sukan disediakan dinaiktaraf agar mereka dapat beraktiviti dengan baik dan selesa. Dari segi penyertaan belia dalam kegiatan persatuan belia, masing-masing hanya 29.8 peratus menyatakan mereka ada menyertai persatuan belia, 45.0 peratus menyatakan mereka tidak terlibat dan 25.3 peratus menyatakan tidak berminat dengan persatuan belia. Ini disebabkan tiada atau persatuan yang sedia ada tidak aktif dalam menganjurkan aktiviti yang sesuai dengan keinginan belia masa kini serta tiadanya inisiatif jawatankuasa belia untuk mempromosi belia untuk menyertai persatuan belia yang sedia ada.

Jika dilihat kepada kepuasan belia terhadap aktiviti dan kelengkapan sukan, majoriti (53.7 peratus) belia menyatakan Persatuan Belia di kawasan mereka aktif menjalankan aktiviti belia dan 50.3 peratus berpuashati dengan kepimpinan belia di tempat mereka. Namun ironinya hanya 43.9 peratus belia menyatakan kemudahan sukan menepati kehendak mereka dan hanya 39.4 peratus menyatakan pesta/pertandingan sukan selalu dijalankan di kawasan mereka dan 41.1 peratus berpuashati dengan kemudahan/peralatan yang disediakan serta 39.0 peratus belia menyatakan mereka senang mendapat bantuan daripada pegawai sukan daerah. Oleh itu persatuan belia tempatan perlu lebih aktif dalam menganjurkan aktiviti di samping menyediakan peralatan sukan yang sesuai dengan keadaan semasa seterusnya meluaskan publisiti kepada belia secara inklusif, bukannya eksklusif kepada belia tertentu sahaja.

### **KURSUS/LATIHAN YANG DIPERLUKAN DAN MASALAH GENERASI MUDA**

Secara keseluruhannya, belia di Muar menyatakan kelengkapan sukan seperti gelanggang bola tampar/keranjang, badminton dan pengurusan padang bola perlulah cekap dan ditambah di samping membina gelanggang futsal serta squash untuk mereka agar dapat beriadah pada masa lapang dan tidak membuang masa dengan aktiviti-aktiviti negatif yang tidak berfaedah seperti melepak, merempit, tidak menghormati orang tua dan membuang masa dengan sia-sia. Jika pihak berkuasa tidak menyediakan aktiviti yang berfaedah kepada belia di Muar maka menurut belia mereka akan terus terjebak dengan gejala yang tidak diinginkan seperti menghidu gam dan ketagihan dadah, minum arak, ponteng sekolah, merokok, berjudi, merempit, melepak, pergaulan bebas, menganggur, bergaduh/gengsterisme, mencuri/pecah rumah dan vandalisme. Justeru,

beberapa kursus atau latihan yang diperlukan belia telah dinyatakan oleh mereka dalam kaji selidik ini iaitu keusahawanan/perniagaan, jati diri/bina semangat, motivasi/personaliti, kepimpinan, kursus pengkomputeran, kursus bahasa Inggeris, kursus pertanian/penternakan, Kursus Teknikal/vokasional/elektrik dan elektronik/mekanik, pendidikan agama/pemantapan diri, kraftangan, kursus kecantikan, kursus menjahit dan kursus masakan.

## **KEPERLUAN GENERASI MUDA DI MUAR**

Keperluan atau kehendak generasi muda di Muar dibahagikan mengikut aspek ekonomi, sosial, pendidikan, politik dan alam sekitar. Bagi aspek ekonomi, majoriti belia Muar menyatakan bahawa mereka perlukan peluang pekerjaan yang diwujudkan sesuai dengan keadaan ekonomi semasa dan selaras dengan kelulusan mereka. Latihan dan kursus serta pinjaman/bantuan kewangan dan nasihat berkaitan dengan perniagaan terutama melalui Industri Kecil dan Sederhana (IKS) juga perlu disediakan agar mereka dapat berkecimpung dalam bidang keusahawanan tersebut seterusnya dapat berdikari setelah keadaan perniagaan mereka kukuh kelak. Mereka juga menuntut agar gaji/upah yang bakal diterima setimpal dengan kemahiran dan tahap kelulusan pendidikan mereka. Bagi usia belia, mereka sedang berusaha memajukan diri dan memerlukan pekerjaan tetap agar mereka dapat stabilkan diri mereka seterusnya menempuh alam perkahwinan yang memerlukan sumber pendapatan yang secukupnya bagi menyara kehidupan diri sendiri dan pasangan seterusnya anak-anak kelak. Mereka juga berpendapat kerajaan perlu mengawal harga minyak/petrol/bahan api dan juga harga barang agar perbelanjaan mereka tidak terbeban dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Bagi keperluan aspek sosial pula, mereka inginkan pihak yang berkenaan meluaskan seterusnya mempercepatkan jaringan jalur lebar/internet/wireless ke seluruh kawasan di tempat mereka. Ini penting agar mereka dapat berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain dengan lebih meluas dan pantas seterusnya dapat mengelakkan daripada pergaulan yang tidak sihat diluar rumah terutamanya pada waktu malam. Mereka juga menyarankan agar pihak keselamatan mempertingkatkan kawalan dan tahap keselamatan terutamanya di kawasan bandar agar gejala sosial dan jenayah dapat dicegah seterusnya dapat mewujudkan keadaan setempat yang harmoni serta aman. Selain itu, mereka mencadangkan agar aktiviti riadah, sukan dan rekreasi dan keagamaan diperbanyakkan agar belia dapat memperkukuhkan nilai spiritual dalam diri mereka, dapat mencergaskan fizikal dan minda seterusnya dapat mengelakkan daripada terjebak ke kancang yang tidak sihat dan sia-sia.

Merujuk kepada keperluan aspek pendidikan, belia di Muar menyarankan agar pihak yang berkenaan memudahkan peluang untuk melanjutkan pelajaran seterusnya mengadakan semula bantuan biasiswa kepada pelajar. Hal ini penting kerana untuk memastikan pelajar yang berminat untuk melanjutkan pelajaran agar tidak dipinggirkan seterusnya dapat mengelakkan daripada melakukan aktiviti yang tidak berfaedah kepada diri sendiri, keluarga dan orang lain. Mereka juga mencadangkan agar pendidikan motivasi, moral dan agama diperluaskan kepada belia agar belia berpegang teguh kepada ajaran agama seterusnya dapat memikirkan kesan baik atau buruk akibat daripada tindakan seharian mereka. Seterusnya, mereka berpendapat agar kursus-kursus kemahiran, Bahasa Inggeris serta literasi komputer diperbanyak dan diperluaskan, seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi agar mereka tidak ketinggalan dan menguasai bahasa global (Inggeris) dan kemahiran global (komputer) yang pantas serta wujudnya teknologi baru yang tidak terjangkau di minda.



Berikutnya bagi perkara politik pula, belia berharap agar pandangan politik serta isi hati mereka didengar dan difahami serta diteliti pihak Kerajaan seterusnya dapat dijadikan panduan dalam pembuatan keputusan/dasar negara. Mereka juga inginkan pemimpin yang berwibawa, adil, jujur, amanah, selalu turun padang/prihatin, berfikiran positif, mempunyai pandangan/idea yang bernas, tidak mengamalkan pilih kasih/kronisme serta berpandangan jauh. Bagi mereka, pemimpin yang mempunyai sifat-sifat sedemikian mempunyai jiwa yang besar serta mendahulukan kepentingan rakyat terlebih dahulu berbanding keutamaan diri sendiri.

Seterusnya bagi keperluan aspek alam sekitar, belia di Muar mahukan diwujudkan persekitaran yang bersih, ceria, indah dan tidak tercemar agar kehidupan rakyat lebih selesa dan kondusif dengan persekitaran tersebut. Mereka juga menyarankan agar aktiviti bersama seperti gotong royong perlu diperbanyakkan agar penduduk di sesuatu kawasan tersebut peka dan tahu betapa pentingnya menjaga alam sekitar agar sentiasa bersih dan mapan dengan pembangunan pesat dari semasa ke semasa. Bagi kemudahan asas pula, mereka menyarankan agar jalan raya diselenggara dengan baik untuk memudahkan laluan kenderaan bermotor seperti kereta dan motorsikal seterusnya dapat mengelakkan daripada berlakunya kemalangan. Mereka juga memohon agar tong sampah diperbanyakkan dan longkang/parit diselenggara dengan baik agar persekitaran lebih bersih dan ceria seterusnya dapat mengelakkan banjir dan dapat menghalang air bertakung yang boleh menggalakkan penularan nyamuk aedes dan denggi yang boleh membahayakan kesihatan manusia.

### **KRITERIA PEMILIHAN CALON DAN PARTI**

Responden ditanya mengenai kriteria pemilihan calon. Secara dominannya, 89.1 peratus responden menyatakan kriteria utama pemilihan calon dibuat berdasarkan pemimpin yang jujur dan amanah. Belia juga mementingkan calon yang berjiwa/mesra rakyat dan bersih daripada rasuah (Lihat Jadual 2).

Jadual 2: Kriteria pemimpin yang disokong oleh belia di Muar

Kriteria pemimpin yang disokong	(%)
Jujur dan amanah	89.1
Berjiwa/mesra rakyat	85.9
Bersih daripada rasuah	78.5
Mempunyai karisma dan ketokohan	65.9
Mementingkan perpaduan kaum dan agama	57.9
Pengetahuan agama yang mendalam	40.5
Kelayakan akademik yang tinggi (Berijazah)	25.2
Pemimpin tempatan	21.4
Sebangsa	21.3
Muda	9.0

(Sumber: Soal Selidik Julai/Ogos 2010)

Bagi ciri parti politik yang dipilih, sebanyak 87.6 peratus menyatakan memilih parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan, hak asasi dan anti rasuah sebagai ciri utama. Kemudian diikuti parti yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan, agama dan bangsa (Lihat Jadual 3). Mereka juga mahukan parti yang mempunyai calon yang dapat memelihara perpaduan kaum, berwibawa, bersih dan berpendidikan tinggi.

Jadual 3: Kriteria parti politik yang dipilih oleh belia di Muar

Kriteria parti politik yang dipilih	(%)
Memperjuangkan isu kemanusiaan (ketelusan, keadilan, hak asasi manusia dan anti rasuah)	87.6
Mampu memacu pembangunan dan membasmi kemiskinan	77.1
Mampu memelihara agama dan bangsa	74.6
Memelihara perpaduan kaum	64.5
Mempunyai calon berwibawa, bersih & berpendidikan tinggi	61.8
Dapat menunaikan janji manifesto	38.5
Trek rekod yang baik	29.1
Alam sekitar	24.8

(Sumber: Soal Selidik Julai/Ogos 2010)

### ISU YANG DIBINCANGKAN

Di Malaysia isu yang terpenting dibincangkan ialah ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Rakyat Malaysia telah diajar untuk menilai pembangunan ekonomi dan modenisasi (Arnold Puyok, 2003) dan mereka hanya mempercayai parti pemerintah (BN) yang mampu menyediakan pembangunan ekonomi di bandar atau pun di luar bandar secara berterusan. Di kawasan Parlimen Muar, isu paling hangat dibincangkan belia ialah pemulihan ekonomi/harga barangan/minyak (Lihat Jadual 4). Isu tersebut dialami oleh semua pihak dan melibatkan kesan berantai iaitu daripada kenaikan harga bahan api, tambang kenderaan, hartanah hinggalah harga barangan. Kesannya amat dirasai bagi golongan yang berpendapatan rendah sama ada di kampung atau di bandar. Masalah pekerjaan, kepimpinan, perumahan/petempatan dan rasuah juga menjadi topik perbualan harian belia.

Jadual 4: Isu yang dibincangkan oleh belia di Muar

Isu	(%)
Pemulihan ekonomi/harga barangan/minyak	68.4
Isu pembangunan	33.6
Pekerjaan	36.7
Isu kepimpinan	32.1
Petempatan/perumahan	19.0
Rasuah/politik wang	37.5
Kestabilan & perpaduan	13.8
Isu tanah	13.9
Alam sekitar	15.4

(Sumber: Soal Selidik Julai/Ogos 2010)

### PENDAPAT POLITIK GENERASI MUDA DI MUAR

Dari segi pandangan responden mengenai isu politik semasa, data pada Jadual 5 menunjukkan majoriti belia (83.7 peratus) menyatakan kurang berkesan kerajaan menangani rasuah dan politik wang menyebabkan generasi muda kurang menyokong kerajaan. Namun 71.0 peratus belia menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara dan 82.3

peratus menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan. Seterusnya, 66.1 peratus belia di Muar menyatakan gagasan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh belia. Namun terdapat segelintir belia yang tidak menyokong Kerajaan kerana berpendapat Kerajaan tidak menunaikan janji ketika kempen pilihan raya, dipinggirkan Kerajaan, situasi ekonomi yang tidak stabil kerana tidak ditangani Kerajaan dengan baik, kronisme dalam urusan kerajaan dan pemimpin kurang mendekati belia.

Jadual 5: Persetujuan pendapat politik generasi muda di Muar

Pernyataan	(%)
Kurang berkesan kerajaan menangani rasuah dan politik wang menyebabkan belia kurang menyokong kerajaan	83.7
Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri adalah baik & mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan	82.3
Belia menilai semula apa yang disuarakan dalam sesuatu kempen pilihan raya parti-parti politik	81.2
Maklumat dari Internet/blog mempengaruhi kecenderungan politik belia	80.1
Polisi/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat/belia	73.9
Kepimpinan kawasan Muar perlu dikekalkan kerana telah menunjukkan prestasi yang amat baik	71.9
Belia menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara	71.0
Belia menyokong kerajaan kerana peluang pekerjaan banyak diwujudkan dan membantu golongan miskin di bandar dan luar bandar	70.1
Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menjalankan tugasnya dengan baik dan berkecuali	66.4
“1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh generasi muda	66.1
Keprihatinan kerajaan terhadap aspirasi, kebajikan dan pandangan belia menyebabkan belia menyokong kerajaan	64.7
Pembangunan di kawasan tempat tinggal anda ini memuaskan hati belia	57.1

(Sumber: Soal Selidik Julai/Ogos 2010)

## GENERASI MUDA DAN PILIHAN RAYA

Belia di kawasan Parlimen Muar turut ditanya perkara berkaitan dengan pilihan raya. Mengenai pelaksanaan janji pilihan raya umum 2008 oleh wakil rakyat/Kerajaan di Muar, 45.2 peratus responden menyatakan bahawa hanya sebahagian sahaja perkara yang dijanjikan telah dilaksanakan manakala 10.5 peratus menyatakan janji pilihan raya umum 2008 telah dilaksanakan sepenuhnya, manakala 24.8 peratus menyatakan tidak pasti dan 19.5 peratus responden menyatakan janji pilihan raya tersebut belum dilaksanakan lagi.

Seterusnya, belia di Muar turut ditanyakan parti politik yang dijangka menang pada pilihan raya umum ke-13 akan datang. Berdasarkan kepada persepsi mereka secara keseluruhannya menyatakan bahawa BN masih boleh menang bagi kawasan Parlimen Muar

(Lihat Jadual 6) berdasarkan kepada gerak kerja Ahli Parlimennya iaitu Dato' Razali Ibrahim yang kerap turun padang untuk mendengar permasalahan rakyat seterusnya disenangi beliau, sesuai dengan jawatan di peringkat kabinet Kerajaan Pusat (Timbalan Menteri Belia dan Sukan) yang disandang oleh beliau sekarang. Namun bagi peringkat DUN pula, majoriti beliau menyatakan peluang BN untuk kekal di DUN Sungai Balang dan merampas kembali kerusi DUN Maharani yang dimenangi PAS adalah tipis melainkan BN dapat menentang calon yang baru dan muda serta boleh mendengar pandangan pengundi di kawasan berkenaan. Sebaliknya di peringkat negeri Johor dan Nasional/Malaysia, beliau di Muar masih yakin bahawa BN dapat mengekalkan kuasa di kedua-dua peringkat berkenaan berdasarkan kepada pencapaian semasa serta isu politik negara yang dilihat memberi kelebihan kepada BN. Kebanyakan daripada responden memilih parti BN sebagai pemenang kerana mereka menganggap parti BN/Perikatan telah mempunyai trek rekod pemerintahan yang berjaya sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menyatukan semua kaum sejak sekian lama. Bagi mereka yang menyokong BN juga berpandangan bahawa BN sudah teruji dan terbukti berjaya memajukan bangsa, agama dan negara dengan mengambil kira toleransi, hormat-menghormati dan perpaduan antara kaum dan agama berlandaskan prinsip Rukunegara dan Perlembagaan Persekutuan.

Jadual 6: Parti politik yang dijangka menang pada pilihan raya umum ke-13 akan datang (%)

Parti/Peringkat	DUN Maharani	DUN Sg. Balang	Parlimen Muar	Negeri Johor	Nasional/Malaysia
BN	31.3	43.2	50.8	70.1	66.6
Pakatan Rakyat/PR	61.6	48.9	49.2	29.9	32.8

(Sumber: Soal Selidik Julai/Ogos 2010)

Mengenai parti politik yang akan diundi oleh beliau pada pilihan raya umum ke-13 akan datang, majoriti beliau di Muar (lihat Jadual 7) menyatakan akan mengundi BN berdasarkan kepada pengalaman dan kecemerlangan BN dalam memacu kemajuan negara dan masyarakat selama ini. Faktor lain yang menyumbang kepada keyakinan beliau di Muar kepada BN adalah disebabkan pengundi masih yakin terhadap BN dengan dasar politik yang bertunjangkan politik pembangunan. Isu/sentimen yang dimainkan pembangkang tidak diterima baik pengundi. Keberkesanan jentera kempen BN yang cukup efektif berbanding jentera kempen pembangkang juga tidak boleh dinafikan lagi. Ini ditambah lagi dengan barisan calon BN yang lebih berwibawa, berpengalaman dan berkelulusan tinggi. Kesepakatan amat longgar di kalangan pembangkang juga menyumbang kepada sokongan padu kepada BN.

Jadual 7: Parti politik yang akan diundi oleh generasi muda di kawasan Parlimen Muar pada pilihan raya umum ke-13 akan datang (%)

Parti	DUN Maharani	DUN Sg. Balang	Parlimen Muar
BN	63.4	69.9	67.6
Pakatan Rakyat/PR	35.7	30.1	32.0

(Sumber: Soal Selidik Julai/Ogos 2010)

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa beliau inginkan keperluan mereka dipenuhi dari semua aspek terutamanya aspek ekonomi dan kebebasan bersuara serta

berpolitik. Belia di Muar juga menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara dan sebahagian besarnya menyatakan bahawa gagasan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh generasi muda. Dari aspek governans pula, majoriti menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan Menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan dan polisi/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan belia. Merujuk kepada parti politik yang akan diundi pada pilihan raya umum akan datang, belia di kawasan Parlimen Muar menyatakan akan terus mengundi di peringkat DUN dan Parlimen Muar dan mereka menjangkakan BN akan terus menerajui negeri Johor dan Malaysia.

## RUJUKAN

Faridah Shaari. 1997. *Kesedaran, sikap dan partisipasi politik anggota tentera Malaysia: Kajian kes di Kementerian Pertahanan Malaysia*. Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hasmin Aswan Mohamad. 2003. *Politik dan kakitangan awam: Perbandingan antara kakitangan awam negeri dan kakitangan awam persekutuan: Kajian kes di Kota Bharu, Kelantan*. Latihan Ilmiah, Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2007. *Fakta belia*. Putrajaya.

Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. 2010. Persepsi Terhadap Kepimpinan Nasional Dan Kerajaan Negeri Selangor. *Persidangan Kebangsaan Ke-3, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran (PK3PPSPP)*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hotel Equatorial Bangi-Putrajaya. 20-21 Julai 2010.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. 2010. Politik Belia di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Ke-3, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran (PK3PPSPP)*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hotel Equatorial Bangi-Putrajaya. 20-21 Julai 2010.

Mohamad Fuadi Haji Hood. 2003. *Persepsi dan partisipasi politik guru Melayu: Satu kajian kes di Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan*. Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Ismail Mustari. 2005. *Menjadi belia cemerlang*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

<http://mpmuar.gov.my/web/guest/tentangmuar#> (atas talian).

Norlaila Bakar. 2000. *Persepsi dan partisipasi politik di kalangan guru: Kajian kes di Daerah Sik, Kedah*. Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pemerhatian di Lapangan (Daerah mengundi Bandar Barat, Maharani, Tanjong, Temenggong Ahmad Selatan, Parit Prupok Barat, Parit Keroma, Parit Raja, Parit Bakar Darat, Parit

Unas, Parit Pinang Seribu dan Parit Samsu dalam kawasan DUN Maharani; Parit Kassim, Bukit Mor, Bandar Parit Jawa Utara, Parit Jawa, Parit Jamil Darat, Parit Tengah, Parit Pechah, Sri Menanti, Sungai Sudah, Sungai Balang, Sarang Buaya Darat, Parit Yusof, Sarang Buaya Laut dan Kampong Parit Bulat dalam kawasan DUN Sungai Balang.), 30 Julai-10 Ogos 2010.

Shaari Abdul Rahman. 2001. *Banci penduduk dan perumahan Malaysia: Taburan penduduk mengikut kawasan pihak berkuasa tempatan dan mukim*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Negara.

Mohd Fuad Mat Jali  
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
[fuad@ukm.my](mailto:fuad@ukm.my)

Junaidi Awang Besar  
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)